



# PARLIMEN MALAYSIA



## **RANG UNDANG-UNDANG**

**Kerja (Pindaan) 1984**

**DR.33/1984**

## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Kerja 1955.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kerja (Pindaan) 1984, dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Perenggan (c) subseksyen (1) seksyen 37 Akta Kerja 1955 (kemudian daripada ini disebut "Akta ibu") adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "three" dengan perkataan "five". Pindaan seksyen 37. Akta 265.
3. Perenggan 1 Jadual Pertama kepada Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "seven hundred and fifty" dengan perkataan-perkataan "one thousand". Pindaan Jadual Pertama.

## HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Kerja 1955 (Disemak—1981).

2. *Fasal 1* adalah berkenaan dengan tajuk ringkas dan membolehkan Menteri menetapkan tarikh Rang Undang-Undang ini mula berkuatkuasa.
3. *Fasal 2* bertujuan meminda perenggan (c) subseksyen (1) seksyen 37 untuk membolehkan seseorang pekerja wanita menuntut elaun bersalin hingga ke anak yang kelima yang masih hidup. Ini adalah sejajar dengan polisi semasa Kerajaan mengenai penduduk. Ia adalah juga konsisten dengan keputusan Kerajaan baru-baru ini untuk menambah kelayakan cuti bersalin bagi kakitangan wanita Kerajaan dari tiga menjadi lima kali.

4. *Fasal 3* bertujuan meminda perenggan 1 dalam Jadual Pertama kepada Akta. Dengan upah yang bertambah selama ini, khususnya sejak tahun 1977, banyak pekerja bukan manual telah berada di luar bidang Akta Kerja kerana upah mereka telah melebihi had maksimum tujuh ratus lima puluh ringgit sebulan. Dengan had maksimum dinaikkan menjadi seribu ringgit sebulan pekerja-pekerja itu akan berada semula di bawah bidang kuasa dan perlindungan Akta. Penambahan ini adalah juga sejajar dengan penambahan had maksimum upah dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN.(U) 1305.]

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kerja (Pindaan) 1984 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Kwarta*.

2. Perenggan (c) subseksyen (i) seksyen 37 Akta Kerja 1955 (kemudian dipinda ini disebut "Akta itu") adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "three" dengan perkataan "five".

3. Perenggan 1 Jadual Pertama kepada Akta itu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "seven hundred and fifty" dengan perkataan-perkataan "one thousand".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Kerja 1955 (Ukutanak-1981).

2. Fasal 1 adalah berkenaan dengan tarikh rujuk dan membolehkan Menteri menetapkan tarikh Rang Undang-Undang ini mula berkuatkuasa.

3. Fasal 2 bertujuan meminda perenggan (c) subseksyen (i) seksyen 37 untuk membolehkan seseorang pekerja wanita mendapat gaji bersalin hingga ke anak yang kelima yang masih hidup. Ini adalah sejajar dengan polisi tenaga Kerajaan mengenai pesakit. Ia adalah juga konsisten dengan keputusan Kerajaan pada tarikh ini untuk memelihara ketahanan gaji bersalin bagi kakitangan wanita Kerajaan dan itu menjadi item kali.